



Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage: www.akademiarbaru.com/arsbs.html
ISSN: 2462-1951



Pengetahuan Pelajar Aliran Agama dalam Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Terhadap Istilah Berkaitan *Fiqh* dan *Usul Fiqh*: Satu Kajian Awal

A preliminary study of the knowledge of religious school students in applying High Order Thinking Skills (HOTS) on terms related to fiqh and usul fiqh

Open Access

Siti Fatimah Kasmuri^{1,*}, Nurul Ilyana Muhsin¹, Siti Nur Hidayah Abdullah²

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

² Kementerian Pendidikan Malaysia, 62604 Putrajaya, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 6 December 2017

Received in revised form 10 January 2018

Accepted 16 January 2018

Available online 26 January 2018

ABSTRACT

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) menjadi agenda utama dalam mempertingkat kualiti pendidikan negara yang dilaksanakan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Pelbagai isu timbul dalam membudayakan KBAT dalam kalangan pelajar. Antaranya ialah aspek pengetahuan. Justeru, artikel ini adalah kajian awal yang bertujuan untuk meninjau pengetahuan pelajar aliran agama di Sekolah Arab Al-Asyraf, Alor Gajah, Melaka dalam menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) terhadap istilah-istilah berkaitan fiqh dan usul fiqh. Kajian ini adalah kajian kuantitatif yang dijalankan melalui kaedah tinjauan (survey). Borang soal selidik yang menggunakan skala Likert 5.0 telah digunakan bagi penggumpulan data. Data yang diperolehi telah dianalisis secara statistik deskriptif (Measure of Central Tendency) dengan menggunakan aplikasi Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 22. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengetahuan pelajar aliran agama dalam menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) terhadap istilah-istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh* adalah tinggi dengan skor min keseluruhan adalah 3.85. Berdasarkan dapatan kajian, pihak pelaksana boleh mengambil kira aspek pengetahuan istilah-istilah fiqh dan usul fiqh pelajar berdasarkan KBAT yang dikaji dalam merencana proses penambahbaikan terhadap pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran.

High Order Thinking Skills (HOTS) is a major agenda in enhancing the quality of education implemented through the Malaysian Education Development Plan (PPPM) 2013-2025. Various issues arise in embracing HOTS among students. One of the issue is the level of students knowledge. This article is a preliminary study aimed at reviewing the knowledge of religious school students at the Al-Asyraf Arab School, Alor Gajah, Melaka in applying High Order Thinking Skills (HOTS) on terms related to fiqh and usul fiqh Skills. This

* Corresponding author.

E-mail address: sitifatimahkasmuri@gmail.com (Siti Fatimah Kasmuri)

study is a quantitative study conducted through surveys. Questionnaires using Likert 5.0 scale were used for data collection. The data obtained were analyzed descriptively (Measure of Central Tendency) using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 22. The findings show that the knowledge of religious school students on the terms related to fiqh and usul fiqh based on the High Order Thinking Skills (HOTS) is high with the overall mean score of 3.85. Based on the findings of the study, the executors may take into account aspects of students knowledge of the terms related to fiqh and usul fiqh based on HOTS in planning the improvement on the implementation of the teaching and learning process.

Keywords:

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT),
pengetahuan, istilah fiqh dan usul fiqh
High Order Thinking Skills (HOTS), knowledge,
terms on fiqh and usul fiqh

Copyright © 2018 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

1. Pengenalan

Ajaran Islam menjadi teras utama untuk mencapai kesejahteraan hidup. Umumnya, kesejahteraan hidup manusia dalam Islam dapat dicapai melalui pendidikan berkesan dan berkualiti [1]. Pendidikan yang berkesan berfungsi sebagai agen utama untuk mengembangkan potensi inividu ke arah berfikiran kritis, disamping pemupukan adab dan proses pengadaptasi budaya [2]. Oleh itu, matlamat dan fungsi pendidikan berkesan ini dapat direalisasikan melalui pelbagai pendekatan. Antaranya ialah melalui penggunaan akal secara optimum yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia. Sejajar dengan itu, pendidikan dalam Islam harus mampu menjana keupayaan manusia untuk berfikir, memerhati, menilai, menjana idea dan menterjemah hakikat dan maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh Allah SWT melalui nas al-Quran dan al-Hadis.

Keupayaan manusia untuk berfikir menjadi salah satu fokus utama pendidikan global hari ini. Ini kerana kemampuan manusia menggunakan akal untuk berfikir secara optimum dapat melahirkan modal insan yang berkualiti dalam usaha negara menghadapi arus kemajuan, perkembangan dan ledakan maklumat yang pesat. Menurut Rajendran [3], tahap penguasaan ilmu dan kemahiran yang dimiliki oleh rakyat akan meningkatkan kualiti dan pembangunan negara. Justeru, pelajar sebagai aset utama negara hendaklah diberi pendedahan dalam pelbagai ilmu dan kemahiran untuk bersaing diperingkat global. Antaranya ialah melalui pendedahan kemahiran berfikir yang kritis dan inovatif yang juga dikenali sebagai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum [4], KBAT merupakan satu proses meningkatkan keupayaan individu untuk mengawal, menentukan arah, menyelesa masalah serta mengukur tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap.

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merupakan agenda transformasi pendidikan yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) [4]. Berdasarkan PPPM 2013-2015, transformasi pendidikan melalui pelaksanaan KBAT di sekolah melibatkan tujuh elemen iaitu kurikulum, pedagogi, pentaksiran, kokurikulum, sokongan komuniti dan swasta, bina upaya dan sumber [4]. Melalui pelaksanaan KBAT, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia berpandangan positif bahawa sistem pendidikan mampu meningkatkan kualiti pengetahuan disamping melahirkan modal insan yang mempunyai minda kelas pertama, berupaya berfikiran kritis, kreatif dan inovatif, mahir dalam komunikasi bagi menghadapi arus global.

Menyedari kepentingan kemahiran berfikir dalam pendidikan, banyak kajian berkaitan kemahiran berfikir telah dijalankan dalam kalangan pendidik di seluruh dunia [5]. Menurut

Nasyimah dan Zamri [6], tujuan kajian dilakukan adalah untuk membantu pelajar dan guru agar dapat menguasai kemahiran belajar secara kendiri serta meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) ketika proses Pdp dijalankan. Justeru, eleman KBAT perlu dibudayakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar pengetahuan dan penguasaan pelajar dalam bidang ilmu yang dipelajari dapat dipertingkatkan.

KBAT memerlukan pelajar memiliki kemahiran berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif. Pemikiran secara kritis mampu membantu pelajar menganalisis topik pembelajaran dan mencadangkan penyelesaian bagi setiap masalah yang dikemukakan [7]. Dalam hal ini, guru berperanan menjadi pemudah cara bagi menggalakkan perkembangan KBAT dalam kalangan pelajar. Menurut Rajendran [3] guru hendaklah sentiasa merangsang pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai pelajar untuk berfikir aras yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kajian beliau menunjukkan bahawa pendekatan KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran oleh guru masih berada pada tahap rendah dan tidak menyokong penguasaan berfikir oleh pelajar.

Pembelajaran berkaitan istilah *fiqh* dan *usul fiqh* merupakan komponan dalam bidang *fiqh* dan *usul fiqh* bagi mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah KBSM. Istilah-istilah *fiqh* diajar berdasarkan topik perbahasan yang berkaitan *fiqh* yang merangkumi bab haji dan umrah, sembelihan, korban, akikah dan muamalah. Sementara istilah-istilah *usul fiqh* terkandung dalam bab pengenalan *usul fiqh*, sumber hukum dan dalil-dalil hukum syarak [8]. Hakikatnya, setiap individu tidak dapat lari daripada mempelajari istilah-istilah *fiqh* dan *usul fiqh* kerana ia menjadi asas utama untuk memahami konsep ilmu-ilmu yang lain. Tambahan pula, penguasaan terhadap istilah *fiqh* dan *usul fiqh* dapat membantu individu untuk memahami, mentafsir serta menghurai sesuatu konsep berdasarkan kehendak syarak dengan tepat [9]. Kekeliruan dalam memahami istilah-istilah *fiqh* dan *usul fiqh* membawa kepada implikasi isu-isu khilaf dalam kalangan umat Islam khususnya dalam amalan ibadah dan mu'amalah. Ia juga boleh menimbulkan salah tafsir terhadap konsep sebenar ajaran Islam.

Komponen istilah-istilah *fiqh* dan *usul fiqh* tidak terkecuali memainkan peranannya dalam mengarah budaya berfikir. Umumnya, pembelajaran berasaskan agama memerlukan kemahiran berfikir yang tinggi untuk memahami hikmah disebalik setiap perintah Allah SWT, amalan dan perbuatan manusia dan memahami dalil-dalil serta aplikasinya dalam kehidupan masyarakat Islam [10]. Sehubungan dengan itu, aktiviti pembelajaran yang berpusatkan pelajar mampu meningkatkan proses berfikir pelajar. Melalui pendekatan pembelajaran tersebut, daya kreativiti pelajar dapat dikembangkan menyebabkan pelajar dapat memahami isu-isu semasa, situasi dan keadaan mahupun masalah persekitaran yang dialami dalam dunia sebenar [11]. Aktiviti pembelajaran berpusatkan pelajar boleh dijalankan samada melalui perbincangan, soal jawab, perbahasan, pembentangan dalam kumpulan dan lain-lain pendekatan bagi menjadikan aktiviti pembelajaran pelajar lebih aktif.

Namun, berdasarkan hasil kajian-kajian lepas, pendekatan pengajaran dan pembelajaran berasaskan agama masih bersifat konvensional atau pasif [12-13]. Kajian oleh Ab. Halim dan Nik Mohd Rahimi [14] menunjukkan amalan pendekatan syarahan dan kuliah merupakan pendekatan yang popular digunakan oleh guru agama dalam proses Pdp menyebabkan pengetahuan pelajar tidak dapat ditingkatkan. Kaedah tradisional dalam pengajaran merupakan satu pendekatan pengajaran yang berpusatkan guru dimana guru akan memberikan maklumat dan penerangan sementara pelajar hanya mendengar penjelasan daripada guru. Melalui kaedah ini, pelajar selalunya akan diberi nota supaya maklumat yang mudah dihafal. Pelajar juga kurang diberi galakan untuk berbincang bersama rakan-rakan mereka bahkan mereka juga kurang diberi peluang untuk memberikan pandangan mereka semasa proses Pdp.

Menurut Qader, Mir Hossein dan Gholamreza [15] pula, pembelajaran yang berorientasikan agama lebih berfokus untuk mengetahui dan memahami konsep dan prinsip-prinsip yang terkandung dalam sukanan pelajaran disamping menghafaz istilah-istilah dan kaedah-kaedah yang berkaitan. Justeru, pelajar dikatakan telah belajar dan faham jika mereka berupaya mengungkapkan kembali apa yang telah dipelajarinya [10]. Kajian Sapiudin [10] menyatakan melalui pendekatan tersebut, pelajar didapati masih tidak mampu mengaitkan teori dan konsep yang dipelajari dengan aplikasi amalan seharian. Pelajar juga dikatakan hanya menerima setiap perkara yang diajar tanpa soal jawab terhadap isu-isu yang dipelajari dalam kelas. Disamping itu, pelajar-pelajar juga tidak dilatih menggunakan daya berfikir untuk menyelesaikan masalah. Natijah daripada proses Pdp tersebut menyebabkan keberkesanan Pdp masih dinilai pada tahap rendah dan objektif pembelajaran tidak mencapai tahap pengukuran psikometrik pelajar yang sebenar. Situasi ini menyebabkan pembelajaran berdasarkan agama tidak menarik minat pelajar, pengetahuan pelajar tidak dapat dipertingkatkan, daya kreativiti pelajar tidak dapat dikembangkan serta tiada inovasi dalam kaedah pembelajaran dan pengajaran. Ia juga akan menyebabkan pelajar kurang penghayatan dalam nilai-nilai agama sebagai asas dalam kehidupan sehari-hari.

Kajian-kajian lepas mendapati pelajar masih kurang mengaplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam proses pembelajaran mereka [16-18]. Pelbagai faktor elemen KBAT kurang diaplikasi oleh pelajar telah dilaporkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia [19]. Antara faktor yang telah dikenal pasti ialah faktor pengetahuan pelajar, kesediaan pelajar, sikap dan minat pelajar terhadap pembelajaran berdasarkan KBAT serta proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Menurut kajian Mazli Sham dan Saemah [15], pengetahuan dan kemahiran membuat keputusan dalam kalangan pelajar masih berada pada tahap rendah. Begitu juga hasil kajian oleh Siti Nurliyana, Ab. Halim dan Zamri [17] melaporkan bahawa pengetahuan pelajar terhadap KBAT dalam pembelajaran pemahaman bacaan adalah pada tahap rendah. Sementara itu, hasil kajian oleh Nasyimah dan Zamri [6] pula, menunjukkan bahawa pelajar-pelajar bersikap pasif, tidak berminat terhadap pembelajaran dan melakukan aktiviti dalam Pdp apabila disuruh oleh guru. Disamping itu, terdapat sikap segelintir pelajar yang belajar hanya untuk mendapatkan keputusan cemerlang dalam peperiksaan [20] menyebabkan pengetahuan dan daya kreativiti pelajar tidak dapat dikembangkan.

Kajian berkaitan pembelajaran berdasarkan kemahiran berfikir telah banyak dijalankan seperti kajian KBAT dalam mata pelajaran Pendidikan Islam [21-23], Matematik [24], Bahasa Melayu [25-26], Sejarah [27-29] dan Sains [30-31]. Walau bagaimanapun kajian-kajian tersebut lebih berfokus kepada amalan KBAT dalam aspek pengetahuan dan pengajaran guru berbanding kajian berkaitan penerapan eleman KBAT dalam proses pembelajaran pelajar. Sehubungan dengan itu, menyedari kepentingan peranan KBAT perlu diterapkan dalam proses pembelajaran pelajar, ia telah mendorong kajian awal ini dijalankan. Kajian awal ini memberi tumpuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar aliran agama tingkatan 4 di Sekolah Arab Al-Asyraf, Alor Gajah, Melaka dalam menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) terhadap istilah-istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh* yang terkandung dalam mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah KBSM.

2. Objektif dan Persoalan Kajian

Kajian awal ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar aliran agama dalam menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) terhadap istilah-istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh* di Sekolah Arab Al-Asyraf, Alor Gajah, Melaka. Persoalan kajian ini pula ialah apakah tahap

pengetahuan pelajar Sekolah Arab Al-Asyraf, Alor Gajah, Melaka dalam menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) terhadap istilah-istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh*.

3. Tinjauan Literatur

3.1 Konsep Istilah Fiqh dan Usul Fiqh

Menurut Tahanawi [32] dan Fatih Muhamad Sulyman [33], penggunaan ‘istilah’ merupakan perkara asas untuk menggambarkan sesuatu konsep dengan jelas dan tepat. ‘Istilah’ itu secara khususnya adalah kunci kepada ilmu dan kebudayaan [32]. Menurut beliau lagi, adalah satu kesilapan jika individu tidak mempunyai pengetahuan terhadap istilah-istilah yang berkaitan dengan bidang yang dipelajari dan dalam masa yang sama ia hanya berpegang kepada pemahaman terhadap maksud dari segi bahasa semata-mata. Justeru, penggunaan istilah yang berkaitan dengan sesuatu ilmu hendaklah digunakan berdasarkan kepada penggunaan dalam bidang yang dipelajari dan definisinya adalah berdasarkan kepada pemakaianya dalam kalangan pakar dalam bidang tersebut [34].

Yusuf Waghlisi [35] menyatakan perkataan ‘istilah’ adalah daripada perkataan Arab ‘عِلْمٌ’ yang bermaksud perkataan atau rangkai kata yang digunakan dalam bidang tertentu untuk menerangkan tentang kefahaman yang jelas terhadap sesuatu perkara dan ia memberi maksud yang berkaitan bidang tersebut. Sementara menurut Asrul Azuan, Nor Azuhan & Jama’yah [36], ‘istilah’ adalah sesuatu perkataan yang mempunyai satu maksud tersendiri atau lebih daripada satu maksud yang digambarkan melalui persamaan, grafik dan ilustrasi. Menurut kajian ini ‘istilah’ merujuk kepada sesuatu perkataan yang menunjukkan sesuatu maksud yang tertentu berdasarkan bidang *fiqh* dan *usul fiqh* yang digunakan dalam situasi yang tertentu.

Perkataan *fiqh* pula merupakan perkataan bahasa Arab yang berbentuk kata ‘masdar’ yang berasal daripada kata perbuatan ‘فَعَلَ’. Ia bermaksud pengetahuan dan pemahaman. Istilah al-*fiqh*, al-ilm dan al-fahm pula merupakan perkataan sinonim yang membawa maksud mengetahui dan memahami sesuatu. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud.

“Barangiapa yang dikehendaki oleh Allah mendapat kebijaksanaan nescaya Allah akan memberikannya kefahaman agama (Soheh al-Bukhari:71) [37]

Wahbah al-Zuhaili [38], menyatakan al-*fiqh* dari segi bahasa bermaksud faham sebagaimana yang terkandung dalam firman Allah SWT:

رَبُّكُمْ مَنْ أَنْتُمْ إِنَّمَا كَيْرَأُونِي شَعِيبَ قَالُوا

Maksud: Mereka berkata, “ wahai Syu’ib, kami tidak mengerti kebanyakan dari apa yang engkau katakan itu (al-Hud:11:91)[39].

Menurut pandangan Wahbah al-Zuhaili [40], terdapat beberapa pendapat definisi al-*fiqh* dalam istilah syarak. Antaranya, pendapat iman Abu Hanifah, al-*fiqh* merujuk kepada pengetahuan tentang hak dan kewajipan individu. Sementara pendapat imam al-Syafi’i pula, al-*fiqh* ialah suatu pengetahuan dan kefahaman tentang hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan perkataan atau perbuatan mukalaf yang bersumberkan dalil-dalil syarak yang terperinci. Dalam pada itu, usul al-*fiqh* didefinisikan sebagai suatu ilmu yang berkaitan tentang kaedah dan perbahasan yang menjadi asas untuk mengistinbat hukum-hukum syarak yang diambil daripada dalil-dalil yang terperinci [38]. Berdasarkan takrifan berkaitan perkataan istilah *fiqh* dan *usul fiqh* tersebut, ia dapat dirumuskan bahawa istilah *fiqh* adalah suatu perkataan atau rangkai kata yang merujuk kepada maksud khusus yang berkaitan hukum-hukum amali. Sementara *usul fiqh* pula adalah kaedah asas yang digunakan untuk menghasilkan hukum yang terdapat dalam dalil-dalil yang diambil daripada sumber-sumber

yang diterima oleh syarak. Jika diamati pengertian *fiqh* dan *usul fiqh* tersebut, jelaslah bahawa istilah *fiqh* dan *usul fiqh* memainkan peranan yang besar dalam pembelajaran *fiqh* dan *usul fiqh* kerana proses pemahaman dan pengetahuan keilmuannya melalui beberapa peringkat [41]. Antaranya ialah bagaimana sesuatu hukum difatwakan, apakah dapatan daripada kajian pengambilan sumber-sumber hukum dan sebab hukum tersebut difatwakan sedemikian.

Umumnya, istilah-istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh* ini telah digunakan oleh para ulamak dalam penulisan kitab-kitab mereka dan ia juga antara istilah yang paling banyak digunakan dalam buku teks tingkatan 4 Pendidikan Syariah Islamiah KBSM.

3.2 Konsep Berfikir Secara Kritis Dalam Islam

Umumnya, konsep kemahiran berfikir secara kritis telah diajar menerusi al-Quran dan as-Sunnah walaupun istilahnya tidak dinyatakan secara lansung. Galakan berfikir dan memahami perintah dan larangan serta ciptaan Allah SWT telah banyak disebut dalam ayat al-Quran. Antaranya ialah ayat al-Quran yang bermaksud.

“Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi dan silih berganti siang dan malam terdapat tanda-tanda orang yang berakal. Iaitu orang-orang yang mengingati Allah SWT sambil berdiri dan duduk atau dalam keadaan baring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi lalu berkata: “wahai tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan semua ini dengan sia-sia, maha suci Engkau, maka peliharalah kami daripada azab seksaan api neraka” (ali-Imran:3:190-191). [39]

Abd Ar Rahman [42] dan Mohd Kamil, Rahimin dan Ridzuan [43] menghurai konsep berfikir daripada perspektif al-Ghazali sebagai kemampuan akal mentafsir dan menganalisis sesuatu fenomena berdasarkan wahyu Allah SWT. Ia merujuk kepada pemikiran bertahap yang berdasarkan kepada tiga peringkat pemikiran iaitu taakulan, tafakkur dan tadabbur. Taakul didefinisikan sebagai pemikiran, tafakkur pula bermaksud fikir-dzkit yang melibatkan perasaan dan pemikiran sementara tadabbur pula diertikan sebagai pemikiran, perasaan dan amalan beradab. Dalam aspek pendidikan pula, al-Ghazali telah meletakkan tiga kerangka eleman kemahiran berfikir iaitu kefahaman terhadap konsep ilmu, kedua proses pelaksanaan pengajaran dan ketiga nilai serta penghayatan dalam pengajaran yang dilaksanakan [44]. Pendapat ini disokong oleh Norfadelah dan Ahmad Tijani [45], yang menyatakan bahawa konsep berfikir menurut Islam merangkumi tadabbur (merenung dan memikirkan perkara yang tersirat), tafqih (memahami), tadhakkur (mengingat), ta'qil (berfikir atau kemampuan mengendalikan sesuatu perkara) dan tafakkur (berfikir secara mendalam). Kelima-lima eleman tersebut berkait rapat dengan pemikiran kritis dan ia menjadi eleman utama dalam menggerakkan kemampuan berfikir oleh individu. Kemampuan berfikir ini termasuklah keupayaan individu untuk memahami rahsia sesuatu perkara yang berlaku untuk mencari jawapan dalam mencapai objektif kehidupan.

3.3 Konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Konsep kemahiran berfikir terbahagi kepada dua peringkat iaitu kemahiran berfikir aras rendah (KBAR) dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) [4]. KBAT adalah kesinambungan daripada kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) yang menumpukan kepada aspek mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta [17]. Walau bagaimanapun KBAT lebih berfokus kepada aktiviti minda sebagai alat berfikir yang lebih kompleks dan ia perlu diselesaikan melalui pelbagai cara dan strategi [23, 52].

King *et al.*, [46] menjelaskan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi merangkumi pemikiran kritikal, logik, reflektif, metakognitif dan kreatif. Sementara Mayer [47] pula berpendapat Kemahiran Berfikir Aras Tinggi merujuk kepada proses penggunaan minda sebagai alat berfikir. Ia bertujuan untuk membuat keputusan, menyelesai masalah dan melahirkan perlakuan semulajadi yang kompleks. Edward de Bono [48] pula menyatakan bahawa Kemahiran Berfikir Aras Tinggi bukan sahaja satu proses untuk menyelesai masalah, bahkan ia merupakan satu kemahiran untuk memerhati sesuatu berdasarkan pelbagai perspektif dalam menyelesaikan satu-satu masalah.

Menurut Lewis dan Smith [49] pula, beliau menyatakan bahawa proses berfikir berlaku apabila wujud masalah atau situasi yang meragukan. Ia melibatkan aktiviti psikologikal untuk mencari jawapan dan menyelesaikan masalah yang dihadapi. Definisi ini turut digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menerangkan tentang Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang mendefinisi KBAT sebagai keupayaan individu menggunakan akal untuk memahami, menyelesai, menilai dan mempertimbang masalah yang dihadapi dalam sesuatu situasi yang berlaku dan seterusnya ia menghasilkan keputusan melalui proses penaakulan [4].

Seiring dengan keperluan kompetensi global, Teori Taksonomi Bloom dan Taksonomi Bloom yang disemak semula menjadi kerangka utama oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menerapkan KBAT dalam pendidikan negara. Berdasarkan semakan Hierarki Kemahiran Berfikir Taksonomi Bloom, kemahiran berfikir merujuk kepada enam aras kognitif iaitu mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Sementara KBAT pula merujuk empat aras kognitif teratas dalam Taksonomi Bloom yang merangkumi kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Keempat-empat domain ini menjelaskan tahap kognitif aras tinggi yang dapat meningkatkan keupayaan dan kebolehan sedia ada pelajar.

Proses berfikir aras tinggi dalam Pdp memerlukan usaha yang bersungguh-sungguh oleh guru. Dalam hal ini guru perlu mempunyai ilmu, kemahiran berfikir aras tinggi, kemahiran pedagogi dan sikap yang sesuai serta mampu menangani setiap cabaran yang mungkin timbul semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Terdapat pelbagai pendekatan dalam mengaplikasi pengajaran berfikir aras tinggi bagi memastikan Pdp lebih berkesan dan berkualiti [62]. Antaranya ialah Teaching of Thinking (pengajaran pemikiran), Teaching for Thinking (pengajaran untuk pemikiran) dan Infusion (pengintegrasian). Menurut La Costa [62], Teaching of Thinking Skill merujuk kepada proses pembelajaran yang diarahkan untuk pembentukan kognitif tertentu dalam kalangan individu seperti penyoalan aras tinggi. Sementara Teaching for Thinking adalah proses pembelajaran yang diarahkan dalam usaha untuk mendorong perkembangan kognitif individu dengan menggunakan metod tertentu seperti penggunaan peta pemikiran i-Think. Infusion pula dikenal pasti sebagai satu kaedah mengintegrasikan atau menggabung beberapa kemahiran semasa proses pengajaran dan pembelajaran [63]. Ketiga-tiga pendekatan ini dilihat mampu membantu meningkatkan kualiti pengajaran yang berkesan.

3.4 Pengetahuan Pelajar

Ivie [50] menyatakan bahawa pengetahuan sedia ada dan sikap yang positif terhadap pembelajaran adalah syarat utama dalam aktiviti pembelajaran. Pengetahuan merupakan maklumat yang diperolehi oleh seseorang individu yang melibatkan proses kognitif samada melalui pengalaman atau pembelajaran formal atau tidak formal [51]. Teori Pembelajaran Ausubel 1968 menyatakan bahawa pengetahuan sedia ada dalam struktur kognitif dapat membantu pelajar dalam mengaitkan pelajaran baharu. Pengetahuan atau dikenali juga sebagai aspek kognitif merupakan domain yang penting dalam membentuk tindakan manusia (overt behavior).

Pengetahuan merupakan satu keperluan dan menjadi perkara asas dalam proses penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pembelajaran. Dalam hal ini, Taksonomi Bloom semakan semula merupakan model pemikiran elemen KBAT yang sesuai diaplikasi dalam meningkatkan pengetahuan pelajar. Ia disokong oleh Tuan Rahayu, Mohd Aderi dan Mohd Isa [52] yang menyatakan bahawa elemen KBAT adalah penting untuk membantu pelajar meningkatkan pengetahuan dalam menyelesaikan permasalahan dan tugas dengan berkesan. Justeru, untuk meningkatkan pengetahuan pelajar terhadap istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh*, KBAT dilihat amat sesuai dan efektif diterapkan dalam pembelajaran. Penerapan KBAT dalam pembelajaran pelajar mampu membuka minda pelajar secara meluas untuk menghadapi cabaran baru [7].

Dalam pada itu, pengetahuan pelajar berasaskan elemen KBAT boleh diterapkan melalui pelbagai penggunaan alat berfikir seperti penggunaan peta pemikiran (i-Think). Menurut Nurhafizah, Roslinda dan Mohamed Yusof [53], peta pemikiran (i-Think) merupakan salah satu alat untuk merangsang keupayaan berfikir pelajar secara kritikal dan kritis dalam bilik darjah dalam memenuhi keperluan pembelajaran Abad ke-21. Peta pemikiran (i-Think) dapat meningkatkan pengetahuan, kefahaman serta kemampuan pelajar menyelesaikan masalah yang diberikan berkaitan topik yang dipelajari [54-55]. Pendapat ini dipersetujui oleh Nurhafizah, Roslinda dan Mohamed Yusof [54] dimana kajian mereka mendapati, pelajar berupaya membuat persediaan untuk menjana, menyusun dan membandingkan idea serta memahami maklumat yang diperlukan dalam menyelesaikan sesuatu masalah melalui penggunaan peta pemikiran (i-Think). Disamping itu, pelajar juga dilihat mampu menyelesaikan masalah kompleks melalui penggunaan peta pemikiran tersebut.

4. Metodologi

4.1 Rekabentuk Kajian

Kajian awal ini menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif melalui kajian tinjauan. Creswell, John W. Creswell dan Creswell [56] dan Ahmad Munawar dan Mohd Nor Shahizan, [57] menyatakan bahawa kajian tinjauan merupakan satu metod kajian yang digunakan untuk mendapatkan pandangan individu yang dipilih daripada satu populasi yang dikaji terhadap sesuatu perkara melalui soal selidik sebagai instrumen. Dalam konteks kajian awal ini, pandangan pelajar aliran agama adalah penting untuk mengukur pemboleh ubah bagi mendapatkan data.

4.2 Populasi dan Sampel Kajian

Menentukan populasi dan pemboleh ubah yang berkaitan kajian dengan tepat dan jelas merupakan langkah utama yang perlu dipatuhi oleh penyelidik. Kajian awal ini melibatkan populasi dalam kalangan pelajar aliran agama yang berada dalam tingkatan 4 di Sekolah Arab Al-Asyraf, Alor Gajah, Melaka. Seramai 35 orang pelajar aliran agama telah dipilih sebagai sampel kajian.

4.3 Instrumen Kajian

Satu set soal selidik telah digunakan untuk mencapai objektif kajian ini. Penggunaan instrumen soal selidik adalah lebih sistematik dan berstruktur, keberkesanannya telah terbukti dalam menghasilkan keputusan yang tepat dan peratus kebarangkalian ‘bias’ atau berat sebelah adalah rendah [58]. Instrumen kajian ini menggunakan satu set soal selidik yang telah diadaptasi daripada kajian Tuan Rahayu [52] dan diubah suai mengikut objektif kajian. Soal selidik instrumen kajian ini

mengandungi bahagian A berkaitan latar belakang responden menakala bahagian B berkaitan pengetahuan pelajar aliran agama dalam menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) terhadap istilah-istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh* yang mengandungi 9 item sebagai konstruk pengetahuan pelajar. Bahagian ini diuji berdasarkan penggunaan Skala Likert 5-point berdasarkan nilai mata 1 hingga 5 iaitu 1-Sangat tidak setuju (STS), 2-Tidak setuju (TS), 3-Kurang setuju (KS), 4-Setuju (S), 5-Sangat setuju (SS). Skala Likert dipilih oleh penyelidik kerana ia mudah disediakan disamping mempunyai darjah kebolehpercayaan yang tinggi berbanding skala lain.

4.4 Analisis Data

Data kajian awal ini dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan Statistics Package for Social Science (SPSS) versi 22. Objektif utama analisis deskriptif adalah bagi menerangkan data ke dalam bentuk yang mudah difahami yang terdiri daripada frekuensi, min, mod, median dan sisihan piawai [58]. Analisis deskriptif ini digunakan untuk menganalisis pemboleh ubah kajian iaitu tahap pengetahuan pelajar aliran agama dalam menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) terhadap istilah-istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh*. Menurut Abdul Fatah dan Mohd Majid Konting [59], penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bertujuan untuk menjelaskan suatu fenomena yang berlaku. Skor purata min diinterpretasikan berdasarkan 5 tahap [60]. Penjelasan skor bagi setiap item yang terdapat dalam soal selidik adalah seperti berikut.

Jadual 1

Interpretasi skor min analisis deskriptif

Skor min	Interpretasi
1.00-1.89	Sangat Redah
1.90 -2.69	Rendah
2.70-3.49	Sederhana
3.50-4.29	Tinggi
4.30-5.00	Sangat Tinggi

Nilai Cronbach alfa bagi menentukan keboleh percayaan item bahagian ini adalah 0.782. Nilai pekali 0.7 atau lebih tinggi menunjukkan kebolehpercayaan alat ukur yang baik [58] sementara keesahan instrumen soal selidik ini telah disahkan oleh dua orang pensyarah yang pakar dalam bidang ini.

5. Analisis dan Dapatan Kajian

5.1 Profil Responden

Kajian awal ini melibatkan pelajar lelaki dan perempuan yang dipilih seramai 35 orang. Analisis deskriptif secara terperinci diuraikan sebagaimana Jadual 2. Jadual 2 menunjukkan profil responden berdasarkan jantina dimana seramai 15 orang (42.9%) adalah pelajar lelaki dan seramai 20 orang (57.1%) adalah pelajar perempuan.

Jadual 2

Profil demografi responden

Demografi	Kekerapan	Peratusan (%)
<i>Jantina</i>		
Lelaki	15	42.9
Perempuan	20	57.1
<i>Jumlah</i>	35	100%

5.2 Tahap Pengetahuan Pelajar Aliran Agama dalam Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) terhadap Istilah-Istilah berkaitan Fiqh dan Usul Fiqh.

Perincian hasil analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai bagi menentukan taburan pengetahuan pelajar aliran agama terhadap istilah-istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh* berasaskan KBAT adalah seperti Jadual 3 berikut.

Jadual 3

Tahap pengetahuan pelajar aliran agama dalam menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) terhadap istilah-istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh*.

No	Item	Min	SP	Tahap
1	Saya boleh menghurai konsep istilah haji <i>Tamattuk</i> .	3.82	0.706	Tinggi
2	Saya boleh menjelaskan konsep istilah <i>al-Qiyas</i> dengan kritis.	3.65	0.639	Tinggi
3	Saya boleh mengemukakan soalan berkaitan istilah haji <i>Mabrur</i> untuk mendapatkan penjelasan lanjut.	3.91	0.612	Tinggi
4	Saya boleh mengaplikasi istilah <i>sah</i> dan <i>batal</i> dalam amalan ibadah saya.	4.20	0.632	Tinggi
5	Saya boleh membezakan antara istilah <i>sunat</i> dan <i>harus</i> menerusi soalan latihan yang dikemukakan.	4.37	0.546	Sangat Tinggi
6	Saya boleh mengkategorikan bahagian istilah hukum <i>Wadhi</i> menerusi peta pemikiran <i>i-Think</i> .	3.88	0.758	Tinggi
7	Saya boleh mengaitkan konsep istilah <i>Maqasid as Syariah</i> dengan isu yang berlaku pada masa sekarang.	3.51	0.701	Tinggi
8	Saya boleh memberi pendapat tentang konsep istilah <i>Niabah</i> haji berdasarkan pendapat ulamak.	3.57	0.654	Tinggi
9	Saya boleh merumus konsep istilah <i>al Istihsan</i> berdasarkan situasi yang diberikan oleh guru.	3.80	0.759	Tinggi
Min Keseluruhan		3.85	0.829	Tinggi

Jadual 4 adalah nilai min bagi setiap item Tahap pengetahuan pelajar aliran agama dalam menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) terhadap istilah-istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh*. Hasil analisis menunjukkan nilai min bagi setiap item pengetahuan pelajar terhadap KBAT adalah tinggi dengan skor antara 4.37 hingga 3.51 dan min keseluruhan adalah tinggi iaitu 3.85.

Analisis deskriptif bagi 9 item aspek pengetahuan tentang penerapan KBAT dalam pembelajaran istilah-istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh* menunjukkan item ke-5 “Saya boleh membezakan antara istilah *sunat* dan *harus* menerusi soalan latihan yang dikemukakan” mencatatkan nilai min paling tinggi iaitu pada nilai 4.37 dengan sisihan piawai 0.546 pada tahap pengetahuan sangat tinggi. Disamping itu, pendekatan Pdp berpusatkan pelajar melalui pelbagai aktiviti yang dijalankan dan penggunaan alat pemikiran seperti *i-Think* juga didapati mampu membantu meningkatkan pengetahuan pelajar terhadap istilah-istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh*. Ia dijelaskan pada item ke-6 “Saya boleh mengkategorikan bahagian istilah hukum *Wadhi* menerusi peta pemikiran *i-Think*” mencatatkan nilai min 3.88, sisihan piawai 0.758 pada tahap pengetahuan tinggi.

Sementara itu, item ke-4 “Saya boleh mengaplikasi istilah *sah* dan *batal* dalam amalan ibadah saya” menunjukkan nilai min adalah 4.20, sisihan piawai 0.632 pada tahap pengetahuan tinggi. Walau bagaimanapun pelajar-pelajar didapati kurang mampu untuk mengaitkan konsep *Maqasid as-Syariah* dengan isu-isu global yang berlaku pada masa kini dengan nilai min yang paling rendah pada tahap pengetahuan tinggi adalah pada item ke-7 “Saya boleh mengaitkan konsep istilah *Maqasid as-Syariah* dengan isu yang berlaku pada masa sekarang” dengan nilai min 3.51 dan

sisihan piawai 0.701. Disamping itu juga, pelajar kurang mampu menghurai idea dengan kritis dijelaskan pada item ke-2 “*Saya boleh menjelaskan konsep istilah al-Qiyas dengan kritis.*” dengan nilai min 3.65, sisihan piawai 0.639 pada tahap pengetahuan tinggi.

Berdasarkan Jadual 4, skor min keseluruhan bagi aspek pengetahuan pelajar aliran agama terhadap istilah-istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh* berasaskan KBAT menunjukkan nilai min 3.85 dengan sisihan piawai 0.829. Sementara itu, tahap pengetahuan pelajar-pelajar aliran agama tentang istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh* berasaskan KBAT dalam pembelajaran adalah pada tahap tinggi.

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar aliran agama mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam penerapan KBAT terhadap istilah-istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh*. Pengetahuan pelajar terhadap istilah-istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh* dapat ditingkatkan setelah mendapat pendedahan KBAT yang luas dalam proses Pdp. Justeru, peranan guru adalah sangat signifikan dalam menerapkan KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penerapan KBAT hendaklah dipertingkatkan dan dilakukan dengan bersungguh-sungguh. Ia boleh dilaksanakan secara berterusan melalui pelbagai pendekatan dan strategi. Antaranya ialah melalui penggunaan bahan bantu mengajar seperti peta pemikiran *i-Think*, penggunaan teknik penyoalan aras tinggi dan lain-lain. Walau bagaimanapun, pelajar didapati kurang mampu mengaitkan konsep istilah dengan isu semasa. Kesemua item menggambarkan bahawa peranan guru dalam menerapkan KBAT dalam pembelajaran istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh* hendaklah dilakukan secara berterusan agar objektif pendidikan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang kreatif, inovatif dan berdaya saing dapat direalisasikan sekaligus meningkatkan prestasi negara untuk menghadapi persaingan diperingkat global.

6. Perbincangan

Kajian ini adalah kajian awal berkaitan tahap pengetahuan pelajar aliran agama dalam menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) terhadap istilah-istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh* di Sekolah Arab Al-Asyraf, Alor Gajah, Melaka. Sebanyak 35 set soalan telah diedarkan kepada responden sekitar Oktober 2017. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan bantuan SPSS versi 22 melalui kaedah deskriptif. Secara keseluruhannya, hasil kajian menjelaskan bahawa pelajar-pelajar tingkatan 4 di Sekolah Arab Al-Asyraf, Alor Gajah, Melaka mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) terhadap istilah-istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh*.

Dapatkan kajian awal ini menunjukkan bahawa terdapat persamaan dengan dapatan kajian-kajian lepas. Antaranya, kajian oleh Nasyimah Ismail dan Zamri Mahamod [6] yang mengkaji tentang aspek pengetahuan, sikap dan kesediaan murid dalam pembelajaran komponen sastera (KOMSAS). Dapatkan ini juga mempunyai persamaan dengan dapatan kajian Tuan Rahayu, Mohd Aderi dan Mohd Isa [52] yang mengkaji tentang aspek pengetahuan, sikap dan kesediaan murid terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam mata pelajaran Tassawur Islam. Dapatkan kajian-kajian tersebut menunjukkan bahawa aspek pengetahuan pelajar dalam pembelajaran berkaitan KBAT adalah tinggi. Daripada hasil kajian-kajian tersebut, ia menggambarkan bahawa eleman KBAT telah banyak didedahkan kepada para pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Oleh yang demikian, penyelidik berpendapat bahawa penerapan eleman KBAT dalam Pdp merupakan salah satu faktor utama dalam membantu meningkatkan pengetahuan pelajar terhadap istilah-istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh*.

Walau bagaimanapun, kajian awal ini bertentangan dengan kajian Siti Nurliyana & Zamri [17] dimana menurut hasil kajian tersebut mendapat tahap pengetahuan pelajar terhadap amalan KBAT dalam pembelajaran pemahaman bacaan adalah sederhana. Begitu juga kajian oleh Nor Hasnida et.al [18] berkaitan penguasaan kemahiran pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar aliran Sains di sekolah-sekolah menengah di Selangor. Hasil kajian beliau mendapat tahap pengetahuan dan penguasaan kemahiran pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar-pelajar tersebut juga berada pada tahap sederhana. Kajian yang dijalankan oleh Mazli Sham dan Saemah [16] terhadap pelajar sekolah menengah berkaitan kemahiran membuat keputusan turut melaporkan dapatan tahap pengetahuan pelajar berdasarkan KBAT berada pada tahap sederhana. Percanggahan dapatan kajian ini boleh dikaitkan dengan pelbagai faktor. Antaranya ialah faktor dan pengaruh guru dan pelajar dalam menguasai KBAT [17, 20-21], strategi atau pendekatan Pdp yang dilaksanakan dalam bilik darjah [22, 24], pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar [52], serta kefahaman dan kemahiran guru untuk melatih pelajar berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif dengan mengajukan soalan aras tinggi [23, 61].

7. Implikasi Kajian

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, beberapa cadangan yang berkaitan dengan kajian awal ini telah dikenal pasti. Pertama, kajian ini memberi implikasi kepada guru sebagai agen pelaksana KBAT. Guru-guru yang terlibat berperanan untuk merencana proses penambahbaikan terhadap perlaksanaan proses Pdp istilah-istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh* berdasarkan KBAT yang lebih berkesan dan berkualiti. Ia bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan pelajar terhadap topik yang dipelajari melalui penerapan eleman KBAT. Penerapan KBAT dalam Pdp didapati berkesan untuk merangsang pemikiran dan daya kreativiti pelajar melalui aktiviti pembelajaran secara aktif. Melalui aktiviti pembelajaran ini, para pelajar mampu membentuk idea baru, mengaitkan konsep istilah-istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh* dengan isu semasa serta mampu menguasai konsep ilmu dalam pembelajaran bidang *fiqh* dan *usul fiqh*.

Guru-guru juga dianjurkan mempelbagai pendekatan dan strategi pengajaran yang sesuai berdasarkan Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21 dalam menerapkan KBAT dengan lebih berkesan. Antara pendekatan yang boleh dilaksanakan adalah seperti peranan guru sebagai fasilitator, penggunaan alat pemikiran (*i-Think*), penyusunan grafik, peta minda, *6 Thinking Hat* (KPM 2014) dan sebagainya. Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21 mampu membantu para pelajar meningkatkan keupayaan berfikir aras tinggi dalam menghadapi persaingan daya fikir yang bersifat kritis, imaginatif, kreatif dan inovatif [16]. Disamping itu, pendedahan KBAT secara berterusan dalam Pdp juga dapat mengurangkan perasaan jemu pelajar terhadap topik yang diajar [52]. Oleh itu, penerapan KBAT yang berterusan dilihat mampu memberi kesan yang positif terhadap pengetahuan pelajar dalam meningkatkan penguasaan istilah-istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh*.

Kedua, kajian awal ini menjelaskan penerapan KBAT boleh membantu para pelajar untuk berusaha menguasai istilah-istilah agama dengan betul dan tepat. Pembelajaran berkaitan istilah *fiqh* dan *usul fiqh* merupakan komponen dalam bidang *fiqh* dan *usul fiqh* bagi mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah KBSM. Merujuk kepada sukanan Pendidikan Syariah Islamiah KBSM, eleman *fiqh* dan *usul fiqh* merupakan eleman kefahaman konsep dan ilmu dalam bidang *fiqh* dan *usul fiqh* secara menyeluruh. Justeru, pelajar yang mampu menguasai istilah-istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh* boleh menyumbang kepada perkembangan ilmu. Para pelajar hendaklah diberi ruang dan peluang untuk memahami topik pembelajaran yang diajar dalam kelas. Mereka juga hendaklah

diberi galakan untuk cuba menjawab soalan-soalan berdasarkan KBAT dalam setiap aktiviti yang dijalankan. Ini kerana, penguasaan yang baik terhadap istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh* dapat mewujudkan pandangan positif terhadap kepentingan istilah-istilah *fiqh* dan *usul fiqh* dan hubungannya dengan ibadah dan *muamalah* sehari-hari. Kajian awal ini membolehkan pihak yang berautoriti seperti guru-guru, pentadbir sekolah, ibu bapa dan pemikir pendidikan menyedari bahawa secara keseluruhannya pelajar aliran agama mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) terhadap pembelajaran istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh*.

8. Kesimpulan

Kajian ini membincangkan tentang tahap pengetahuan pelajar aliran agama dalam menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) terhadap istilah-istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh*. Dapat dilihat kajian menunjukkan penerapan elemen KBAT dalam pembelajaran menjadi salah satu faktor utama dalam meningkatkan pengetahuan istilah-istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh* dalam kalangan pelajar aliran agama. Dalam pada itu, pelajar-pelajar juga hendaklah dilatih dengan pelbagai pendekatan yang berpusatkan pelajar untuk meningkatkan minat dan semangat pelajar. Melalui pendekatan tersebut, pelajar berupaya menjana idea berdasarkan maklumat yang diperolehi. Pada masa yang sama, pengetahuan pelajar dalam istilah-istilah berkaitan *fiqh* dan *usul fiqh* dapat ditingkatkan serta ia membina sikap positif terhadap pembelajaran berdasarkan KBAT. Hasil kajian ini juga memberi beberapa cadangan penambahbaikan dalam meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Rujukan

- [1] Ahmad, Affizal. "Kepentingan pendidikan dalam pen bentukan kualiti hidup sejahtera." *Dalam Malaysian Education Dean's Council Journal* 2 (2008): 1-8.
- [2] Ashaari, Mahyuddin. "Pendidikan al-Quran menjana keupayaan berfikir." *dalam Jurnal Pendidikan Islam, Jil 9* (2001).
- [3] Rajendran, N. "Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras tinggi: Kesediaan Guru Mengendalikan Proses Pengajaran Pembelajaran." *Pembentangan Kertas Kerja dalam Seminar/Pameran Projek KBKK: Poster_Warisan-Pendidikan-Wawasan 'anjuran Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, dari, 2001.*
- [4] Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. "Inisiatif KBAT Di Sekolah." Kementerian Pendidikan Malaysia. doi:10.1017/CBO9781107415324.004.
- [5] Sternberg, R. J., and L. Spear-Swerling. "Teaching for thinking, psychology in the classroom: A series on applied educational psychology." (1996).
- [6] Ismail, Nasyimah, and Zamri Mahamod. "SIKAP DAN KESEDIAAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH TERHADAP KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM PEMBELAJARAN KOMSAS BAHASA MELAYU." *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 6, no. 2 (2016): 59-67.
- [7] Rajendran, Nagappan. "The Teaching of Higher-Order Thinking Skills in Malaysia." *Journal of Southeast Asian Education* 2, no. 1 (2001): 42-65.
- [8] Kementerian Pendidikan Malaysia. 2002. "Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah Kementerian Pendidikan Malaysia." In , edited by Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Pertama, 36. Malaysia: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- [9] Mazlan, Muhamad, and Abdul Majid. "Penguasaan istilah fiqh dalam kalangan murid sekolah rendah: Kajian di sekolah-sekolah rendah dalam zon Pudu, Wilayah Persekutuan." PhD diss., Universiti Malaya, 2015.
- [10] Wan Mat bin Sulaiman, Norkhairiah binti Pg. Hj. Hashim. 2011. "Aplikasi Kemahiran Berfikir Dalam Pengajaran Pengetahuan Ugama Islam." *Journal of Applied Research in Education* 15 (2): 43-58.
- [11] Sapiudin, Sapiudin. "PEMBELAJARANUSHUL FIKIH BERBASIS MASALAH." *AHKAM: Jurnal Ilmu Syariah* 14, no. 2 (2014).

- [12] Abdul Munir Bin Ismail, Saharizah binti Mohamad Salleh, and Siti Esah Binti Salleh. 2016. "Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Di Sekolah Menengah Daerah Besut , Terengganu." Artikel Jurnal Kajian Tindakan Pendidikan Asia (AEARJ), 1–15.
- [13] Ismail, Zawawi, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, and Mohd Ala-Uddin Othman. "Teknik pengajaran kemahiran bertutur bahasa arab di SMKA di Malaysia." *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 11, no. 2 (2011): 67-83.
- [14] Ab. Halim Tamuri, and Nik Mohd Rahimi Nik Yusof. 2010. *Kaedah Pengajaran Dan Pendidikan Islam*. Edited by Ab. Halim Tamuri and Nik Mohd Rahimi Nik Yusof. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [15] Damirchi, Qader Vazifeh, Mir Hossien Seyyedi, and Gholamreza Rahimi. "Evaluation of knowledge and critical thinking at Azad Islamic University." *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business* 3, no. 9 (2012): 213-221.
- [16] Mazli Sham Abdullah, and Saemah Rahman. 2017. "Kemahiran Membuat Keputusan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah." In Prosiding Seminar Pendidikan Serantau Ke-VIII, 124–27.
- [17] Siti Nurliyana Ab. Halim, and Zamri Mahamod. 2015. "Pengetahuan, Sikap Dan Kesediaan Pelajar Terhadap KBAT Dalam Pembelajaran Pemahaman Bacaan." In Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Pendidikan Kesusastraan Melayu, 4:261–78. <http://ebooks.cambridge.org/ref/id/CBO9781107415324A009>.
- [18] Nor Hasnida Che Md Ghazali, Siti Rahayah Ariffin, Nor Azaheen Abdul Hamid, and Roseni Ariffin. 2011. "KEMAHIRAN PEMIKIRAN KRITIKAL DAN PENYELESAIAN MASALAH PELAJAR–PELAJAR SAINS." In Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Kali Ke-4, 450–62.
- [19] Lembaga Peperiksaan Malaysia. 2013. "ELEMEN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM INSTRUMEN PENTAKSIRAN." Putrajaya.
- [20] Peng, C.F. and Nadaraja, S., 2016. Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis dalam Pengajaran dan Pembelajaran KOMSAS di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(2), pp.10-24.
- [21] Othman, Mohd Syaubari Bin, and Ahmad Yunus Bin Kassim. "KEBERKESANAN PERMULAAN PENGAJARAN MENERUSI AMALAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DI DALAM MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH NEGERI PERAK." *O-JIE: Online Journal of Islamic Education* 4, no. 2 (2017): 23-35.
- [22] Mohd Syaubari Othman, and Ahmad Yunus Kassim. 2017. "Pelaksanaan Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Menerusi Kaedah Penyoalan Berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) (Implementation of the Practice of Teaching Islamic Education S" 1 (1): 1–9.
- [23] Nur Aida Muhammad. 2016. "Pengetahuan Guru Pendidikan Islam Mengenai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dan Strategi Penerapannya Dalam Pengajaran." Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [24] Kassim, Nooriza, and Effandi Zakaria. "INTEGRASI KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MATEMATIK: ANALISIS KEPERLUAN GURU (Integration of Higher Order Thinking Skills in the Teaching and Learning of Mathematics: Teachers' Needs Analysis)." *Jurnal Pendidikan Matematik* 3, no. 1 (2015): 1-12.
- [25] Siti Nurliyana Ab. Halim. 2015. "Pengetahuan, Sikap Dan Kesediaan Pelajar Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pembelajaran Pemahaman Bacaan." In Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Pendidikan Kesusastraan Melayu Kali Keempat, 2015, 7:956–63. doi:10.1017/CBO9781107415324.004
- [26] ISNON, HASNAH, and JAMALUDIN BADUSAH. "KOMPETENSI GURU BAHASA MELAYU DALAM MENERAPKAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (Malay Language Teacher Competency to Implementation Higher Order Thinking Skill in Teaching and Learning)." *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* (2017): 56-65.
- [27] Daud, Norakma Binti Mohd, Abdul Razak Ahmad, and Noria Munirah Yakub. "PEMBELAJARAN BERTERASKAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MATA PELAJARAN SEJARAH." In *Proceeding 7th International Seminar on Regional Education*, vol. 1, pp. 352-360. 2016.
- [28] Pushpalatha a/p Sivamugam. "Kemahiran berfikir aras tinggi dalam sukanan pelajaran sejarah tingkatan empat: satu kajian kes." PhD diss., Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2006.
- [29] Daud, Norakma Binti Mohd, Abdul Razak Ahmad, and Noria Munirah Yakub. "PEMBELAJARAN BERTERASKAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MATA PELAJARAN SEJARAH." In *Proceeding 7th International Seminar on Regional Education*, vol. 1, pp. 352-360. 2016.
- [30] Vadsala'Vadsala, A., and P. Vadivalu. "PERSEPSI DAN MASALAH YANG DIHADAPI OLEH GURU SAINS DALAM MELAKSANAKAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI." In *Proceeding 7th International Seminar on Regional Education*, vol. 2, pp. 1077-1082. 2015.

- [31] Haron, A. Rahman, Jamaludin Badusah, and Zamri Mahamod. "Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Salak Didik dengan Elemen Nyanyian dan Elemen Pantun." *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 5, no. 1 (2016): 53-60.
- [32] Muhammad Ali Al-Faruqi Tahanawi. 1963. *Kasyaf Al-Istilahat Al-Funun*. Kaherah: Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nuhda wa Awladah.
- [33] Fatih Muhamad Sulyman Seh Nakawa. 2012. *Mustalahat Al-Fikr Al-Islami Al-Mu'asir*. Beirut, Lebanon: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- [34] Sayyid 'Abd al-Majid al-Ghawri. 2012. *Mu'jam Al-Mustalahat Al-Hadithiyah*. Selangor: Darul Syakir Enterprise.
- [35] Yusuf Waghlisi. 2008. *Ishkaliyyah Al-Mustalahah Fi Al-Khitab Al-Naqdi Al-Arabi Al Jadid*. al-Dar al-Arabiyyah li al-Ulum.
- [36] Dehan, Asrul Azuan Mat, and Hajah Nor Azuwan Yaakob. "Gerak Kerja '5P'Pembentukan Istilah Bahasa Melayu." *International Journal of Language Education and Applied Linguistics* 1 (2014). A.
- [37] Abu Abdullah Muhammad Ismail al-Bukhari. (2011). *Soheh al-Bukhari*. (Muhamad Suhadi, Ed.) (Jilid 1). Jakarta: Almahirah.
- [38] ——. 1997. "Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu." Damascus: Dar Al-Fikr.
- [39] Al Quran Al Karim
- [40] Wahbah al-Zuhaili. 1986. *Usul Al-Fiqh Al-Islami*. Jilid 1. Beirut: Dar Al-Fikr.
- [41] Mohd Azam Bin Yahya. 2009. "Konsep Pengajian Syariah: Suatu Tinjauan Terhadap Amalan Hukum Kontemporari." *Jurnal Ilmi Jilid 2, V (ISSN1823-9012)*: 75–85.
- [42] Abd Ar Rahman bin Muhammed ibn Khaldun, and Translated by Franz Rosenthal. 1672. "The Muqaddimah," p.1252.
- [43] Mohd Kamil Abdul Majid, Rahimin Affandi Abd Rahim, and Ridzuan Ahmad. 2007. "Pemikiran Imam Al-Ghazali Dalam Bidang Fiqh Dan Usul Fiqh: Kesinambungan Dan Pembaharuan." *Jurnal Artikel Blog*. <http://kamilmajid.blogspot.my/2007/07/pemikiran-imam-al-ghazali-dalam-bidang.html?m=1>.
- [44] Othman, Mohd Syaubari Bin, and Ahmad Yunus Bin Kassim. "Konsep Pengajaran Akidah Kepada Kanak-Kanak Menurut Al-Quran Dan Imam Ghazali Berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)." (2017).
- [45] Nordin, Norfadiah, and Ahmad Tijani Surajudeen. *ISLAMIC THEORITICAL MODEL FOR CRITICAL THINKING IN TEACHING AND LEARNING OF ISLAMIC EDUCATION*. Paper presented on 9th & 10th March, 2015.
- [46] FJ King, Ludwika Goodson, and Faranak Rohani. 1998. "Higher Order Thinking Skills." Publication of the Educational Services Program, Now Known as the Center for Advancement of Learning and Assessment. Obtido de: [Www.cala.fsu.edu](http://www.cala.fsu.edu), 1–176. http://www.cala.fsu.edu/files/higher_order_thinking_skills.pdf.
- [47] Mayer, Richard E. *Thinking, problem solving, cognition*. WH Freeman/Times Books/Henry Holt & Co, 1992.
- [48] Edward de Bono. 2009. *Six Thinking Hats*. Edited by Penguin Books Ltd. Aktualis. London, United Kingdom.
- [49] Lewis, Arthur, and David Smith. "Defining higher order thinking." *Theory into practice* 32, no. 3 (1993): 131-137..
- [50] Ivie, Stanley D. "Ausubel's learning theory: An approach to teaching higher order thinking skills." *The High School Journal* 82, no. 1 (1998): 35-42.
- [51] Kamaruddin Ismail. 2010. "Pengetahuan, Kemahiran Pelaksanaan Dan Sikap Guru Kimia Terhadap Kaedah Pembelajaran Koperatif." Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [52] Tuan Rahayu Tuan Lasan, Mohd Aderi Che Noh, and Mohd Isa Hamzah. 2017. "Pengetahuan , Sikap Dan Kesediaan Murid Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Mata Pelajaran Tasawwur Islam" 3 (1).
- [53] Nurhafizah Zaidi, Roslinda Rosli, and Mohamed Yusof Mohd Nor. 2015. "Aplikasi Peta Pemikiran I-THINK Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik." In *World Academic And Research Congres 2015*, 8. <http://conference.kuis.edu.my/pasak2017/images/prosiding/pendidikan/10-NURHAFIZAH-ZAIDI-UKM.pdf>.
- [54] Yusop, Rohaida, and Zamri Mahamod. "Keberkesanan peta pemikiran (i-Think) dalam meningkatkan pencapaian penulisan Bahasa Melayu murid tahun 6." *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 5, no. 2 (2016): 31-37.
- [55] Rosnidar Mansor, Haeidatul Nashrah Hassan, Norazilawati Abdullah, and Nik Azmah Nik Yussuf. 2015. "Keberkesanan Penggunaan I- Minat Murid Dalam Tajuk Sifat," no. October 2016.
- [56] Creswell, John W, John W. Cresswell, and John W Creswell. 2000. "Research Design." Sage, 1–246. doi:10.1016/j.math.2010.09.003.
- [57] Ahmad Munawar Ismail, and Mohd Nor Shahizan Ali. 2016. Mengenali Kuantitatif & Kualitatif Dalam Penyelidikan Pengajaran Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [58] Chua Yan Piaw. 2014. *Ke Empat*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- [59] Van Dalen, Deobold P., Abdul Fatah Malik, and Mohd Majid Konting. *Memahami penyelidikan pendidikan: satu pengenalan*. Penerbit Universiti Pertanian Malaysia, 1993.
- [60] Malaysia, Kementrian Pelajaran. "Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP 2006-2010)." *Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementrian Pelajaran Malaysia* (2006).

-
- [61] Abdul Rashid, Zarina. "Tahap kesediaan guru dalam aspek pengetahuan dan keperluan latihan berfokuskan aplikasi KBAT." PhD diss., Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2016.
 - [62] Costa, Arthur L. *Developing minds: A resource book for teaching thinking*. Association for Supervision and Curriculum Development, 225 N. Washington St., Alexandria, VA 22314, 1985.
 - [63] Zulhelmi Zulkpli, Abdul Halim Abdullah, Umar Haiyat Abdul Kohar, and Nor Hasniza Ibrahim. 2017. "A Review Research on Ifusion Approach in Teaching Thinking: Advantages and Impacts." *Man in India* 97 (12): 289–98.